

# Patani Mingguan

HIMPUNAN BERITA DAN ARTIKLE MINGGUAN PATANI

KELUARAN MADRASAH KEWARTAWANAN SEMPADAN SELATAN (DSJ) # DEEP SOUTH WATCH (DSW)

NEWSLETTER



## Apa kebutuhan CSO muda Patani, dalam penyelesaian konflik.

pautan: <http://www.deepsouthwatch.org/dsj/6735>

"Generasi baru CSO perlu berusaha untuk berhenti keganasan dan mengubah konflik secara serius kepada keamanan."

Encik Muhammad-Ayub Pathan, editor kanan. Deep South Watch (DSW). Memberi ucapan Utama dalam tajuk "Harapan dan CSO (masyarakat awam) generasi baru" dalam pembentangan dan pengurus pelajar sekolah berdemokratik dan berorganisasi awam. Kolej awam Pada rabu 3 Disember, 2557 di Fakulti Sains Politik. Prince of Songkla Universiti Pattani Campus.

"CSO dalam erti saya bukanlah kerajaan dan mereka tidak menggunakan sejata," kata Encik Muhammad-Ayub. Persoalannya kemudian adalah bagaimana CSO baru? Komited untuk menamatkan keganasan.

Encik Muhammad-Ayub berkata, jangkaan untuk CSO jenerasi baru ingin nampak adalah ilmu pengetahuan, berkomunikasi dan bekerja sama dengan masyarakat awam. Kerja hari ini adalah lebih baik, tetapi masih tidak mencukupi, harus dilaksanakan oleh CSO dan generasi baru perlu mempunyai.

1. Komitmen untuk menamatkan keganasan dan perubahan apa-apa yang konflik dengan serius.
2. harus mencerminkan suara rakyat yang terlibat dalam konflik itu.
3. Mesti mempunyai rangkaian kerja yang boleh memanjangkan fungsi keadaan.
4. Mesti orang hati terbuka yang bersedia untuk bekerja dengan orang yang mempunyai latar belakang yang berbeza atau berlainan.
5. mesti bekerja dengan orang lain secara berkesan, dan
6. mesti berani, berani untuk berbeza, berani untuk mencari alternatif, berani untuk berada di belakang, dan yang penting ialah keberanian untuk tidak menggunakan kekerasan.

Encik Muhammad-Ayub berkata, CSO jenerasi baru ini akan menjadi pautan kepada konflik antara rakyat yang menyangkut pada kedua-dua belah pihak. Dan mewujudkan satu rangkaian masyarakat awam. Memperkuatkan komunikasi dan keamanan.

"CSO jenerasi baru digesa, menolak, dijemput untuk menjadi sebahagian daripada tuntutan rundingan damai untuk bergerak ke hadapan," kata Encik Muhammad-Ayub sebagai kesimpulan.

## Editor's Talk



• • • • •  
*Harapan dan CSO (masyarakat awam) generasi baru*

"Kita perlu mewujudkan ruang bagi orang ramai untuk bekerja bersama-sama maupun yang belajar agama atau yang belajar akademik. Kerana Islam tidak memisahkan agama daripada aktiviti-aktiviti sosial" kata Encik Abdulkohar

"kita mesti mengenal masyarakat dulu untuk bekerja. Oleh sebab pemuda itu mereka lebih bersemangat dan kadang-kadang terus mengajak penduduk tempatan. Saya berfikir bahawa anak-anak muda mempunyai masalah sebenar. Bagaimana untuk melakukan kerja kepada generasi baru dengan secara strategi dan berkualiti" kata Encik Muhammad-Aladi.

"dalam keadaan biasa, wanita boleh bekerja hanya di rumah. Tetapi hari ini, wanita perlu menyelesaikan masalah-masalah masyarakat. Wanita dengan lelaki kerja bersama-sama untuk mencari cara-cara penyelesaian dalam rangka menyusun masyarakat untuk tidak melibatkan diri di tempat kejadian" kata Ilham Buyala

ini adalah kata-kata dari CSO generasi baru Patani di satu majlis seminar pada tanggal 3 Disember, 2014 di Fakulti Sains Politik Prince of Songkla Universiti Pattani Campus yang mereka ini akan menjadi harapan masyarakat di masa depan.

Saronee Duereh  
 Editor PATANI MINGGUAN

## *Genap 100 tahun wilayah Narathiwat*

penterjemah: Husna Doloh

pautan: <http://www.deepsouthwatch.org/dsj/6698>

Puan Mujrin Thongnual, kaki tangan awam wilayah Narathiwat telah menjelaskan bahawa tahun ini akan genap 100 tahun wilayah Narathiwat, pihak wilayah akan mengadakan aktiviti sepanjang tahun, bahagian wilayah Narathiwat akan mengadakan acara besar-besaran pada tanggal 7-16 June 2015 bersamaan dengan hari Raja rama ke-6 melawati wilayah selatan pada tahun 1915.

Di waktu itu baginda telah menukar nama Bandar Muang Bang Nara menjadi Muang Narathiwat yang bermaksud tempat tinggal orang-orang baik.

Puan Mujrin berkata perayaan genap 100 tahun pada kali ini ada pelbagai pesta seperti makanan yang lazat, pakaian yang menarik dan lain-lain. Selain itu gebenor wilayah Narathiwat mengadakan tabungan 100 tahun wilayah Narathiwat untuk memberi bantuan kepada pelajar yang cemerlang tetapi miskin.

## *Yala Rajabhat University (YRU) membuat projek suara poll.*

penterjemah: Khadijoh Hayidimae

pautan: <http://www.deepsouthwatch.org/dsj/6709>

Pada 19 Januari 2015, Phanu Uthairat setiausaha Pusat Pentadbiran Wilayah Sempadan Selatan Thailand dan Dr.Sombat Yothathip presiden Yala Rajabhat University (YRU) mendatangani perjanjian kerjasama projek Suara Poll (suara dari penduduk di wilayah sempadan selatan Thailand) jangka masa setahun di dewan YRU Untuk menyelesaikan masalah penduduk di wilayah sempadan selatan Thailand.

YRU menyerahkan institusi penyelidikan dan berkembangan wilayah sempadan selatan Thailand membuat projeknya, bermula poll pada Jun 2014.

Phanu Uthairat berkata ia percaya bahawa YRU mempunyai alat-alat yang moden (web online) dan cara menyimpan maklumat yang benar, meliputi seluruh kawasannya. Penyelidikan dan menganalisis yang boleh menaruh kepercayaan.

## *OPERASI KESELAMATAN DALAM PERINTAH MEMBANTU MANGSA BANJIR DI KELANTAN*

penterjemah: Suhaila Arong

pautan: <http://www.deepsouthwatch.org/dsj/6708>

Pada 17 Jan 2015, di Taman Sirinthorn D.Sungaikolok W.Narathiwat, General Nopawong Surawichai ketua pasukan untuk menolong mangsa banjir di Kelantan, Malaysia dan termasuk Tanahmerah, Tumpat dan Pasir Mas.

Pertolongan tersebut adalah perintah dat Prayuth Chanocha perdana menteri untuk Operasi Keselamatan Dalam Perintah bekerjasama dengan persatuan tempatan dan membangunkan organisasi bantuan mangsa banjir di Kelantan.

Pihak kerajaan menghulurkan bantuan untuk mangsa banjir sebanyak 1,000 barang seperti beras, air, dan bahan binaan.

Pusat Pentadbiran Wilayah Sempadan Selatan menyediakan

barang seperti beras, makanan kering, dan air sebanyak 500 barang dan produk Riyana untuk pencegahan kecemaran air dari Syarikat Chatarawat Sdn, sebanyak 1,000 barang, Pejabat Suruhanjaya Pendidikan Vokasional menghantar pelajar dalam pelbagai bidang untuk memberi pertolongan tentang membaiki motosikal dan alat elektronik.

Pusat Perubatan Tentera Sempadan Selatan menyediakan satu unit perubatan bergerak bekersama dengan Hospital Raja Rama ke-6, pusat perubatan Narathiwat, Yala, Pattani dan hospital wilayah untuk memberi bantuan awam.

## *Mahasiswa Universiti Thammasat Mengadakan Acara "Suara Patani"*

penterjemah: Nazafah Mahama

pautan: <http://www.deepsouthwatch.org/dsj/6697>

Persatuan Mahasiswa tiga wilayah sempadan selatan dari Universiti Thammasat mengadakan acara "Suara Patani" untuk mengetahui proses pekerjaan NGO sempadan selatan kepada orang luar tempatan dapat mengetahui dan mengenali Patani dalam pelbagai aspek.

projek ini mereka juga menyediakan pameran dan membuat buku peranan NGO dan proses perdamaian di Universiti Thammasat kampus Rangsit.

Encik Musa Chewae sebagai ketua rumungan menjelaskan bahawa acara "Suara Patani" akan melawati pertubuhan-pertubuhan dalam kawasan yang termasuk DeepSouth Watch, Patani forum, PerMas, Wartani, Perwani, Insouth dan pusat Pentadbiran Wilayah sempadan selatan dengan menggunakan masa selama 5 hari, mulai pada tanggal 13 hingga 17 Januari 2558.

Selepas merawat kali ini pihak Persatuan tersebut akan mengadakan pameran "NGO dan perdamaian sempadan selatan di Universiti Thammasat kampus Rangsit selama seminggu.

## *Memohon Tabungan Pembangunan Wilayah Sempadan Selatan*

penterjemah: Yasmeen Maneehiya

pautan: <http://www.deepsouthwatch.org/dsj/6705>

Rosidee Led-ariyapongsakul, setiausaha NGO Masyarakat Sempadan Selatan, menjelaskan bahawa pada 18 Januari 2015 pihak NGO telah mengadakan rancangan permohonan diraja untuk mengasaskan institusi dan menggalakkan pemulihan pembangunan masyarakat sempadan selatan.

kepada anggota dewan reformasi kebangsaan, yang mempunyai anggota 5 wilayah, untuk memberi kepada pihak kerajaan dan Operasi Keselamatan Dalam Perintah dan terus memo-hon kepada Pusat Pentadbiran Sempadan Selatan.

Rosidee berkata tujuan penting bagi rancangan ini, iaitu untuk mengadakan "tabungan pembangunan wilayah sempadan selatan" untuk memberi peluang kepada persatuan masyarakat dalam tempatan supaya membangunkan kawasan-kawasan di sini.

Hal ini demikian kerana ada banyak persatuan dan pembangunan tetapi bajet yang didapat oleh pihak kerajaan tidak mencukupi.